

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,
Bahagian Kastam,
Aras 4 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,
62596 Putrajaya,
MALAYSIA.

No. Tel : 03-8882 2645
No. Fax : 03-8889 5866
Laman Web : www.customs.gov.my



Endang/MS/002/9931/2014
Pengarah Pembayaran Keputih Pabek dan
Bahagian Kastam Diraja Malaysia (B) 14/07/2014

Ruj. Kami : KE.HE(44)001/01-3(A)Kit.10(27)
Tarikh : 14 Julai 2014

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

Tuan,

TEMPOH PEMBAHARUAN KELULUSAN SEBAGAI EJEN PENGHANTARAN DAN EJEN PERKAPALAN DI BAWAH SEKSYEN 90 AKTA KASTAM 1967

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa berikutan dengan usul yang telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Panel Perunding Kastam-Swasta yang lalu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah memutuskan tempoh pembaharuan kelulusan sebagai ejen penghantaran dan ejen perkapalan yang telah diluluskan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 adalah selama lima (5) tahun sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1. Lewat mengemukakan Penyata Cukai tidak melebihi tiga kali dalam tempoh setahun;
- 2.2. Tidak mengubah secara sengaja maklumat pengikraran yang menyebabkan maklumat diikrar salah termasuk deskripsi dagangan atau kuantiti / harga; dan
- 2.3. Mematuhi semua syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan.

3. Tempoh tersebut merupakan suatu keistimewaan yang diberikan kepada agen yang telah membuktikan tahap pematuhan yang tinggi. Perhatian tuan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HJ. MD SALLEH BIN SAID)

Pengarah Kastam
Bahagian Perkastaman
Ibu Pejabat
b.p. Ketua Pengarah Kastam
MALAYSIA